

MINIT
PERBINCANGAN RUMUSAN AKHIR
PEMILIHAN JUDUL-JUDUL *NETLIBRARY* (RUMUSAN AKHIR)

TARIKH : **9 APRIL 2010 (JUMAAT)**
MASA : **9.30 PG – 12.30 TENGAHARI**
TEMPAT : **BILIK MESYUARAT**
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI ISLAM ANTRABANGSA
MALAYSIA (*UIAM*)

Hadir (*Wakil Perpustakaan IPTA*):

Puan Nooraini Ismail -- Ketua Pustakawan *UIAM*
Puan Noorhasimah Aris -- Pengerusi Perbincangan
Puan Norbaya Muda – (*UIAM*) Pencatat minit
En Abdul Muhaimin Sabron (*UKM*)
En Jamain Manap (*UKM*)
Puan Hasdarinar Abdul Jalal (*UniMAP*)
Puan Noor Shafini Zamani (*UPM*)
Puan Roziana Shamsuri (*UPM*)
Cik Sutarmi Kasimun (*UM*)
Puan Wan Kartini Wan Sulaiman (*UPSI*)
Puan Zaharah Samad (*UIAM*)

Hadir (*Wakil Pembekal*):

Datin Nor Diana
Cik Ainun Sofiah Mohd Hushairi
Cik Rafidah Ibrahim
Cik Tasha Qhairunnisa Mahir

Kata-kata Aluan Pengerusi

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir dan perbincangan dimulai dengan bacaan al-Fatihah. Wakil enche mengedarkan salinan "analisa judul yang terpilih dengan kos", minit perbincangan lalu yang diadakan pada 23 Mac 2010, dan salinan rumusan perbincangan tersebut.

Perkara

1. Puan Noorhasimah memulakan perbincangan dengan memaklumkan Pustakawan yang hadir, mengenai beberapa cadangan serta saranan yang telah diterima daripada beberapa *IPTA* berhubung dengan proses pemilihan iaitu diantaranya untuk mengurangkan jumlah judul dari subjek Komputer Sains & IT (*Computer Science & IT*) memandangkan nature bahan2 ini cepat "obsolete" dan untuk membuat pemilihan akhir judul-judul *NetLibrary* berdasarkan 'common subject' yang diguna pakai oleh kesemua universiti. Selain dari itu

terdapat juga cadangan untuk hanya mengambil 1 naskhah (*copy*) bagi judul yang dipilih oleh kurang daripada 2 institusi.

2. Datin Diana memberikan beberapa makluman kepada wakil Perpustakaan yang hadir atau/dan maklum balas terhadap beberapa keraguan yang ditimbulkan oleh pihak Perpustakaan IPTA. Diantara kenyataan tersebut ialah:
 - a. Net-Library telah dibeli secara menyeluruh oleh EBSCO, namun pihak EBSCO akan tetap menghormati perjanjian yang telah dipersetujui terlebih dahulu oleh OCLC dengan Enche Marketing. Datin Diana memaklumkan enche Marketing masih lagi mewakili NetLibrary bagi pembelian secara konsortium oleh KPT untuk perpustakaan-perpustakaan IPTA.
 - b. Lesen Perjanjian Pembelian NetLibrary baru sahaja diperolehi dan akan dimajukan kepada KPT.
 - c. DRY-RUN akan dilanjutkan kepada bulan Mei 2010, di atas permintaan enche Marketing, berikutan penutupan akses secara serta merta.
 - d. Jumlah pembelian minimum bagi satu judul adalah 2 naskhah (*copy*) dan bukan 1 naskhah (*copy*). Bayaran 'access fee' sebanyak 55% daripada harga asal akan dikenakan jika mahu kekal dengan 1 naskhah (*copy*).

3. Kesemua yang hadir berpuas hati dengan beberapa maklum balas dari Datin Diana bagi menjawab beberapa soalan dan keraguan yang ditimbulkan, seperti di bawah:
 - a. Pustakawan : Berkenaan lesen perijinan yang telah dihantar oleh enche kepada semua IPTA untuk ditandatangani, kenapa perlu ditandatangani oleh setiap IPTA, berikutan pembelian dilakukan oleh KPT ?
Datin Diana : Bahawa lesen perjanjian tersebut adalah *user agreement* atau *membership agreement* sahaja, manakala pihak KPT sebagai pembeli akan menandatangani lesen perjanjian pembelian atau '*license agreement*'. Perlunya pihak IPTA menandatangani '*user agreement*' tersebut adalah kerana penggunaan NetLibrary oleh pelajar-pelajar IPTA adalah tertakluk kepada undang-undang dan bagi mengelakkan penyalahgunaan yang mungkin berlaku.

 - b. Pustakawan : Berkenaan 3 '*concurrent users*' akses NetLibrary yang akan dikongsi oleh semua IPTA, adakah IPTA yang mengakses buku yang sama pada waktu yang sama, dibenarkan untuk memuat turun dokumen dengan jumlah yang sama?
Datin Diana : Bahawa, berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh OCLC '3 concurrent users' adalah memadai, dan jumlah muat turun pada satu masa yang dibenarkan adalah 15 muka surat sahaja, berdasarkan kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh OCLC. Walau bagaimanapun, EBSCO sebagai pemilik baru NetLibrary mungkin menambah jumlah muka surat yang boleh dimuat turun pada satu masa, namun belum ditentukan berapa.
Pengerusi JKPDK, Puan Nooraini Ismail turut menyokong perihal kajian yang telah dibuat oleh OCLC dan turut mencadangkan beberapa perkara seperti tertera di perkara 4.

 - c. Pustakawan (wakil UNIMAP) : Berkenaan muat turun 15 muka surat sahaja adalah terlalu sedikit jika dibandingkan dengan pangkalan data '*e-book*' yang lain sebagai contoh Springer dan Elsevier yang membenarkan muat turun 1 bab atau '*chapter*' dalam satu masa?. Ini akan menyebabkan kemungkinan NetLibrary menjadi

kurang popular di kalangan para pensyarah dan pelajar yang biasa menggunakan pangkalan data 'e-book' yang lain.

Datin Diana : Bahawa jumlah berkenaan bukan ditentukan oleh OCLC sebagai satu non-profit organisasi, bahkan ditentukan oleh *Publisher* atau Penerbit buku-buku itu sendiri. OCLC sendiri menandatangani perjanjian dengan *Publisher* dan keadaan yang sama mungkin sahaja dihadapi oleh EBSCOHost. Ini adalah berlainan dengan Springer dan Elsevier yang merupakan *Publisher*.

- d. Pustakawan : Saranan untuk membeli hanya 1 naskhah (*copy*) sahaja bagi judul dalam subjek-subjek yang kurang penting manakala baki 2 naskhah (*copy*) lagi diagihkan/di"top-up" untuk judul dalam subjek-subjek yang lebih penting dan diperlukan oleh kebanyakan IPTA. Adakah boleh dilakukan?

Datin Diana : Menegaskan sekali lagi dengan polisi OCLC iaitu jumlah pembelian minimum bagi satu-satu judul adalah 2 naskhah (*copy*) dan bukan 1 naskhah (*copy*). Bayaran access fee sebanyak 55% daripada harga asal dikenakan jika mahu kekal dengan 1 naskhah (*copy*). Namun pihak *enche* akan bertanyakan semula kepada EBSCOHost dan menegaskan bahawa IPTA akan diberikan *grace period* selama satu bulan untuk menilai semula judul-judul yang telah dipilih. Pihak IPTA juga boleh menambahkan bilangan naskhah (*copy*) jika perlu tanpa dikenakan 55% 'access fee'.

4. Terdapat beberapa cadangan yang dicadangkan ketika pemilihan akhir dilaksanakan, diantaranya ialah:

1. Memilih hanya 1 naskhah (*copy*) sahaja bagi judul dalam subjek-subjek yang kurang penting dan diagihkan baki 2 naskhah (*copy*) untuk judul dalam subjek-subjek yang penting dan diperlukan oleh kebanyakan IPTA (seperti tertera di perkara 3(d)). Puan Noorhasimah dll.
2. Memilih hanya 1 naskhah (*copy*) sahaja bagi subjek '*Sports and recreation*' atau sukan dan rekreasi (kerana subjek ini hanya dipilih oleh 2 IPTA sahaja) dan membayar 55% 'access fee' yang dikenakan (oleh setiap IPTA -- Puan Nooraini Ismail)
3. Meneliti semula subjek-subjek (no. 25 – 30) dari senarai yang "analisa judul yang terpilih dengan kos". Puan Nooraini dan Puan Noorhasimah
4. Mengekal jumlah judul - judul dari subjek-subjek (no. 25 – 30) dari senarai "analisa judul yang terpilih dengan kos", tetapi mengurangkan jumlah naskhah (*copy*) -- Puan Noorhasimah
5. Mengurangkan jumlah judul - judul dan jumlah naskhah (*copy*) dari subjek-subjek (no. 25 – 30) dari senarai "analisa judul yang terpilih dengan kos" -- Puan Nooraini
6. Mengeluarkan subjek '*Sports and recreation*' atau sukan dan rekreasi dan subjek '*Others*' atau lain-lain-- Puan Nooraini
7. Mengeluarkan subjek '*Sports and recreation*' atau sukan dan rekreasi, subjek '*Others*' atau lain-lain, '*Tavel and geography*' atau '*travel*' dan geografi dan '*General works*' atau Umum-- Puan Nooraini
8. Beberapa cadangan lain

5. Setelah berbincang dan bertukar-tukar fikiran bagi mencukupkan harga jumlah keseluruhan judul-judul yang dipilih dengan jumlah peruntukan oleh MOHE iaitu sebanyak

RM2,120,968.00. Semua wakil Perpustakaan bersetuju:

- a. Untuk memilih 2 naskhah (*copy*) bagi **Subjek-subjek A** dan 3 naskhah (*copy*) bagi **Subjek-subjek B**.

- b. untuk mengeluarkan **8 subjek** yang dirasakan paling kurang kepentingannya bagi semua Perpustakaan Universiti. Subjek-subjek tersebut adalah:
1. *Science : General* atau Sains : Umum
 2. *Computer science & IT* atau Komputer Sains & IT
 3. *General works* atau Umum
 4. *Others* atau Lain-lain
 5. *History: world and general* atau Sejarah : Dunia dan umum
 6. *Religion* atau Agama
 7. *Home economics* atau Ekonomi rumahtangga dan
 8. *Tavel and geography* atau travel dan geografi
- c. mengurang jumlah judul bagi subjek-subjek yang berikut, dengan pengiraan semula harga berdasarkan jumlah judul yang telah dikurangkan, adalah:
1. '[Agriculture](#)' atau [Pertanian](#) -- daripada 140 judul, kepada 110 judul sahaja (kurang 30 judul) --**RM82,757.92**
 2. '[Sports and recreation](#)' atau sukan dan rekreasi -- daripada 155 kepada 89 judul sahaja (kurang 66 judul) --**RM33,318.33**
- d. Jumlah keseluruhan harga bagi 23 subjek yang terpilih, selepas di tolak 8 subjek seperti di 'b', ditambah dengan "c" adalah **RM2,103,212.51**. Baki **RM17,755.49** akan ditentukan melalui pemilihan judul-judul dari subjek '*Business, economics & management*' atau Bisnes, ekonomi & pentadbiran. Pemilihan judul-judul ini diserahkan kepada wakil Perpustakaan UniMAP, untuk melaksanakannya.

Penangguhan Mesyuarat

Pengerusi menutup mesyuarat dengan bacaan tasbih Kafarah dan surah al-Asr, beserta ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir, dan ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.

Disediakan oleh :
Norbaya Muda
Pustakawan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Subjek A (2 naskhah/copies)

<i>Earth Sciences</i>	83,167.14
<i>Networking & Telecommunications</i>	85,118.85
<i>Literature</i>	15,256.16
<i>Philosophy</i>	10,751.28
<i>Psychology</i>	67,018.60
<i>Political Sciences</i>	111,116.84
<i>Sociology and Antrophology</i>	18,347.52
<i>Social Science : General</i>	190,898.42
<i>Language & Linguistics</i>	145,317.15
<i>Arts</i>	96,853.46
<i>Technology</i>	149,287.47
<i>Special Terms e-Books</i>	30,129.58
<i>Library Science and Publishing</i>	104,457.74

Agriculture**82,757.92****Sports and Recreation****33,318.33****Subjek B (3 naskhah/copies)**

<i>Biology & Life Sciences</i>	139,304.70
<i>Chemistry</i>	42,874.10
<i>Physics</i>	44,415.55
<i>Business,Economics & Management</i>	156,537.71
<i>Mathematics &I Statistics</i>	49,935.27
<i>Education</i>	293,262.62
<i>Law</i>	53,310.97
<i>Medicine</i>	99,775.13

Subjek dibuang

<i>Science : General</i>	139,304.70
<i>Computer Science & IT</i>	42,874.10
<i>General Works</i>	44,415.55
<i>Others</i>	156,537.71
<i>History : World and General</i>	49,935.27
<i>Religion</i>	293,262.62
<i>Home Economics</i>	53,310.97
<i>Travel and Geography</i>	99,775.13

Jumlah Keseluruhan	1,223,796.46
Jumlah Peruntukanm oleh KPT	2,120,968.00
Balance	17,755.49

879,416.05**2,103,212.51**